

**Malaysia Dijangka Catat Satu Lagi Tahun Pertumbuhan, Kata OBG
Bernama
4 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Berikutan kejayaan banyak sektor ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi yang jitu sejak 12 bulan lepas, negara ini dijangka sekali lagi mencatatkan prestasi yang kukuh pada tahun ini, kata satu syarikat penerbitan dan perundingan global, Oxford Business Group (OBG).

Walau pun perangkaan muktamad belum diumumkan, OBG berkata ia menjangka ekonomi Malaysia akan berkembang lebih 5.0 peratus pada 2011.

OBG berkata pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia telah meningkat manakala inflasi dapat dikekang dan sektor kewangan kekal kukuh.

Bagaimana pun, ia memberi amaran akan berlaku sedikit kesan dari krisis hutang Eropah di mana permintaan mendapatkan eksport keseluruhannya akan merosot pada 2012.

OBG berkata selepas Malaysia berjaya mengharungi krisis kewangan global 2008 dan 2009, ekonominya kelihatan berada pada kedudukan yang baik untuk terus berkembang bagi memasuki 2012 dan seterusnya.

Pada akhir November, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mengunjurkan bahawa kadar pertumbuhan yang jitu itu akan berterusan sekurang-kurangnya bagi tempoh lima tahun akan datang, sambil meramalkan bahawa keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia akan berkembang 5.6 peratus setiap tahun bagi tempoh beberapa tahun akan datang dan mencecah 5.6 peratus menjelang 2016.

OBG berkata unjuran OECD itu agak optimis berbanding unjuran Bank Pembangunan Asia atau Bank Dunia, yang menjangka KDNK Malaysia masing-masing meningkat 4.7 peratus dan 4.9 peratus pada 2012 walau pun ia sejajar dengan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebanyak 5.1 peratus.

"Walau apa pun angka muktamadnya, perangkaan itu dijangka melebihi perangkaan rakan perdagangan Eropah dan Amerika Utara Malaysia dan mendahului kebanyakan ekonomi serantau dan global yang maju," kata OBG.

Bersama-sama dengan jangkaan KDNK itu, perangkaan imbalan pembayaran juga dijangka positif pada 2011, dengan lebih akaun semasa dicatatkan US\$23.8 bilion bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 Sept dan peningkatan 18 peratus pada sejumlah US\$20.2 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Bagaimana pun, OBG berkata wujud sedikit kebimbangan bahawa perdagangan eksport Malaysia akan menerima kesan pada 2012, apabila segmen utama ekonomi global kemungkinan mengalami kemelesetan.

Sambil eksport Malaysia meningkat pada paras sihat 15.8 peratus pada Oktober, kadar peningkatan itu rendah berbanding bulan sebelumnya, walau pun masih meningkat 9.1 peratus bagi tempoh 10 bulan pertama tahun lepas, katanya.

Walau pun perdagangan di seberang laut kemungkinan menimbulkan kebimbangan pada tahun depan, inflasi tidak akan menjadi satu kebimbangan.

Menurut perangkaan terbaharu Jabatan Perangkaan pada November, inflasi telah kekal agak stabil dengan harga pengguna meningkat 3.4 peratus tahun ke tahun pada Oktober.

Inflasi dijangka turun lagi pada 2012, menurun antara 2.5 peratus dan 2.8 peratus pada 2012, kata OBG.

Ini adalah berikutan permintaan yang semakin perlahan dan pertumbuhan yang perlahan sedikit dengan harga komoditi menyederhana, katanya.

Kumpulan penerbitan itu juga berkata wujud juga berita yang meyakinkan di dalam beberapa laporan baru-baru ini dari agensi penarafan Fitch, yang menyatakan sektor perbankan Malaysia berada dalam keadaan dan kedudukan yang baik bagi mengharungi badai ekonomi.

Laporan itu, yang diumumkan pada pertengahan Disember, berkata tinjauan bagi pemberi pinjaman Malaysia adalah stabil walau pun hutang isi rumah, yang kini berada pada paras 76 peratus daripada KDNK 2010, masih kekal tinggi.

Bank-bank tempatan telah melakukan pengurusan risiko yang memuaskan, kata laporan itu, sambil menyatakan bahawa kesan kos kredit yang lebih tinggi yang terhasil dari ekonomi global yang semakin lembap dapat diserap oleh pendapatan bank-bank.

OBG berkata satu lagi tanda kestabilan dan daya tarikan yang baik ekonomi Malaysia dapat dilihat melalui aliran masuk FDI, yang meningkat 43 peratus kepada US\$8.3 bilion bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada 2010.

Walau pun begitu, jumlah keseluruhan FDI sehingga akhir tahun bagi 2011 kemungkinan menyamai atau melebihi unjuran US\$10 bilion oleh kerajaan, katanya.

Bagaimana pun, OBG berkata Malaysia kemungkinan perlu bergelut untuk memadamkan keseluruhan jumlah itu bagi 2012, dengan sedikit petunjuk bahawa FDI kemungkinan akan berakhir apabila ekonomi zon euro bergerak memasuki kemelesetan, yang boleh mengurangkan sentimen pelabur global.

"Walau pun masih terdapat aliran masuk FDI yang positif pada suku ketiga, sejumlah US\$1.6 bilion pada tempoh Julai hingga September 2011 berkurang 50 peratus daripada jumlah suku tahun sebelumnya, yang mencerminkan ketidaktentuan dan kebimbangan berterusan di kalangan pelabur antarabangsa di mana kebimbangan itu kemungkinan terbawa-bawa hingga 2012," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=637884>